

Fail. #15711

Ucapan Y.B. Encik Hussein Onn,  
Menteri Pelajaran, di upacara  
mengangkat sumpah Kumpulan 41  
Sukarelawan Pasukan Keamanan  
Amerika Sharikat, di Maktab  
Perguruan Bahasa, Lembah Pantai,  
Kuala Lumpur pada hari Selasa,  
14hb Nobember, 1972 pukul 3.00  
petang

---

~~Ucapan: ADHO~~

~~562~~

~~181/80~~

Tuan yang Terutama, Duta Amerika Sharikat  
dan Puan Lydman.

Encik Walter C. Howe, Timbalan Pengarah  
Tindakan (Action).

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian.

①

Saya sangat sukacita kerana dapat hazir pada petang ini untuk menyaksikan satu lagi upacara mengangkat sumpah kumpulan Sukarelawan Pasukan Keamanan Amerika Sharikat. Semenjak tahun 1962, dari jumlah lebih kurang 970 sukarelawan yang berkhidmat di Malaysia, lebih kurang 740 daripada mereka datang daripada Pasukan Keamanan Amerika Sharikat. Sukarelawan-sukarelawan ini memberikan perkhidmatan mereka kepada rakyat Malaysia dengan penuh dedikasi tanpa mementingkan diri sendiri. Kita sungguh berbangga atas kehadiran mereka di kalangan kita semua. Kumpulan yang ke 41 ini terdiri dari 53 orang sukarelawan-sukarelawan pada tahun ini termasuk guru-guru Ilmu Hisab dan Sains, penasihat-penasihat perpustakaan, penasihat-penasihat pengajaran Bahasa Inggeris, pensyarah-pensyarah untuk Politeknik Ungku Omar dan juga pegawai-pegawai untuk Perkhidmatan Talivisyen Pendidikan. Tiap-tiap lapangan

ini diberi keutamaan yang tinggi oleh Kementerian Pelajaran untuk memenuhi keperluan-keperluan yang kian berubah di negara ini.

- ① I am extremely glad to be able to be present this afternoon to witness the swearing-in of yet another group of U.S. Peace Corps Volunteers. Since 1962, out of a total of about 970 volunteers serving in Malaysia, about 740 of them have been from the U.S. Peace Corps. These volunteers have been selfless and dedicated in giving their services to the people of Malaysia. We are proud to have them with us. The present group, the 41st, consists of 53 volunteers. This year's volunteers include mathematics and science teachers, library advisers, English language teaching advisers, lecturers for the Ungku Omar Polytechnic and personnel for the Educational Television Service. Each of these fields has a very high rating in the Education Ministry to meet the changing needs of the country.

2. Disebabkan oleh keperluan atau 'demand' pelajaran yang begitu besar, maka sumber-sumber tenaga pengajar dan tenaga professional yang lain telah digunakan sepenuhnya. Sememang banyak terdapat kekurangan dalam beberapa lapangan tertentu. Oleh yang demikian, apa jua bantuan luar, walau bagaimana kecil sekalipun, adalah sangat-sangat dihargai. Sementara itu, kita sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu dan positif untuk mengatasi kekurangan ini. Kita sedang mengadakan semakin banyak tempat-tempat untuk pelajaran sains dan teknik di sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti-universiti kita; kita sedang memperbesarkan lagi yayasan-yayasan latihan perguruan dan memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan

③ Mengikut pengalaman, sistem pelajaran Malaysia bukan sahaja memberikan pelajaran rasmi, tetapi juga diarahkan untuk membina suatu identiti kebangsaan dan sebuah negara Malaysia yang bersatu-padu dan sebahagian besar daripada keamanan, kesetabilan dan kemakmuran negara ini adalah bergantung kepada keadaan-keadaan seperti ini. Kita memerlukan pembangunan untuk meninggikan taraf hidup rakyat kita, terutama sekali mereka di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan ini, kita memerlukan lebih ramai lagi pakar-pakar sains, teknologi dan pegawai-pegawai professional yang lain. Maka itulah sebabnya kita menitikberatkan pelajaran sains, teknik dan vokesyenal.

③ Malaysia's system of education, as a result of experience, provides not only for formal education but is also geared towards building a national identity and a united Malaysian nation upon which the peace, stability and prosperity of the country so much

depend. We need development to raise the standard of living of our people, especially those in the rural areas. For development we need more and more scientists, technologists and other professional personnel. Hence our emphasis on science, technical and vocational education.

4. Walaupun Bahasa Malaysia ialah bahasa utama negara ini, namun demikian kita sedar sepenuhnya peri mustahak dan betapa besar gunanya Bahasa Inggeris di perengkat antarabangsa, perdagangan dan dalam lapangan pelajaran. Maka itulah sebabnya mengapa kita <sup>menjadikan</sup> menjadi Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua negara ini. Bahasa ini dijadikan suatu mata-pelajaran yang wajib di semua sekolah kita -----rendah dan menengah. Akan tetapi kanak-kanak kita, setakat ini, terutama sekali mereka di kawasan-kawasan luar bandar, tidak begitu mengambil berat dalam mempelajari bahasa ini seperti sepatutnya. Oleh yang demikian, mulai dari tahun hadapan, Kementerian Pelajaran akan melancarkan suatu kempen secara besar-besaran supaya kanak-kanak kita mempelajari Bahasa Inggeris dengan bersungguh-sungguh. Kita percaya bahawa adalah sangat penting bagi kita mengetahui Bahasa Inggeris dengan secukupnya sekiranya negara dan bangsa kita hendak maju dalam

dunia moden ini. Kita tidak boleh membiarkan diri  
kita dikuasai oleh emosi. Kita mestilah bersifat  
pragmatis sebagaimana juga negara-negara membangun  
yang lain dalam hal ini.

④ Although Bahasa Malaysia is the first language of the country, we fully realise the importance and usefulness of the English language internationally, commercially and educationally. For these reasons, we have made it a second language of our country. It is a compulsory subject in all our schools ----- primary and secondary. However, hitherto our children, especially those in the rural areas, have not been serious, as they should be, in learning the language. Therefore, beginning next year, the Education Ministry will launch a big and sustained campaign to make our children study and learn the language seriously. We believe that knowing the English language sufficiently well is vital if our country and nation are to progress in this modern world. We cannot afford to be swayed by our emotion. We must be pragmatic as other developing countries are in this respect.

5. Perhubungan diantara Malaysia dan Amerika Sharikat sentiasa berjalan dengan baikny~~a~~. ~~pada setiap masa~~. Amerika Sharikat telah membantu Malaysia dalam pelbagai lapangan dan satu daripada lapangan ini ialah melalui Pasukan Keamanan. Bantuan seumpama itu telah dapat dilaksanakan dengan adanya orang seperti duta tuan-tuan Encik Jack Lydman yang mana, bersama-sama dengan isterinya yang sungguh menarik itu, ~~dan~~ sentiasa mengambil berat dalam rancangan Pasukan Keamanan di negara ini. Saya sangat gembira atas kehaziran beliau dan isteri beliau di kalangan kita semua pada petang ini.

⑤ The relationship between Malaysia and the United States of America has at all times been most friendly and cordial. The United States have assisted Malaysia in many ways, one of which is through the Peace Corps. Such assistance has been made possible through such people as your Ambassador Mr. Jack Lydman who, together with his charming wife, has always taken a very personal interest in the Peace Corps programme in this country. I am very happy to see him and his wife present with us this afternoon.

6. Saya <sup>suka</sup> mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada Encik Walter C. Howe ke Malaysia. Saya difahamkan bahawa beliau datang terus daripada Washington, dan Malaysia adalah merupakan negara yang pertama sekali dalam lawatan beliau. Saya berharap <sup>lawatan</sup> ~~semoga~~ beliau *sa negara ini akan berjaya.* ~~bergembira melawat negara ini.~~

⑥ I would like to take the opportunity of welcoming to Malaysia Mr. Walter C. Howe. I understand that he comes straight from Washington and that Malaysia is the first country he is visiting. I hope that his visit to this country will be an enjoyable one.

7. Perhubungan antara Pejabat Pasukan Keamanan di Malaysia dan kakitangan Kementerian Pelajaran adalah sentiasanya baik. Ini adalah sangat mengembirakan dan patut diberi pujian. Sebahagian besar daripada kejayaan Pasukan Keamanan di Malaysia adalah disebabkan oleh ~~satu~~ faktor yang penting ini. Pelbagai kesilapan dan pembaziran tenaga telah dapat dielakkan ataupun diperbetulkan. Dengan adanya kerjasama ini, kita telah dapat sama-sama mempelajari banyak perkara untuk menentukan supaya bantuan tuan-tuan kepada kita digunakan dengan berkesan dan sepenuhnya.

⑦ There has been **very** good cooperation between the staff of the Peace Corps Malaysia office and the staff of the Education Ministry. This is indeed very commendable and heartening. The success of the Peace Corps in Malaysia has been due to a great extent to this single factor. Many mistakes and wastage of efforts have been avoided or rectified as a result of it. Together we have learned a lot over these years to ensure that your kind and generous assistance to us is fully and effectively utilised.

⑧

Akhir sekali saya ingin menyampaikan sepatah dua kata kepada sukarelawan-sukarelawan yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi. Dengan penuh sukacita kami mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan semua ke negara ini. Perkhidmatan yang akan tuan-tuan dan puan-puan sumbangkan dalam masa dua tahun yang akan datang ini adalah sangat penting. Kami sedar bahawa kerja-kerja persediaan untuk menghadapi tugas-tugas pada masa yang akan datang ini, terutama sekali semasa mempelajari dan menguasai bahasa kebangsaan negeri ini, tentulah teruk. Bantuan-bantuan yang kami perlukan itu, bukan sahaja di bandar-bandar, tetapi termasuk juga di kawasan-kawasan luar bandar. Saya percaya bahawa setelah berkenalan betul-betul dengan orang di sini, maka baharulah tuan-tuan dan puan-puan sekelian akan faham mengenai budi pekerti penduduk-penduduk negeri ini. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan sekelian

akan suka tinggal di sini dan seterusnya saya ucapkan selamat maju jaya ~~kepada sukarelawan-sukarelawan semua.~~

⑧ Lastly, may I say a few words to the volunteers who ~~will~~ *a moment ago were* ~~shortly be~~ sworn-in. We are very glad to welcome you all to our country. The services which you will be giving for the next two years are important. We know that you have worked extremely hard for the tasks ahead, especially in learning and mastering our national language. You will be working not only in the urban but also in the rural areas. As you come to know us well, you will find that we are warm-hearted and friendly. I hope that your stay with us will be a happy one. Best of luck to you all.

yang akan tinggal di sini dan seterusnya  
~~menyampaikan kepada saya untuk~~  
~~menyampaikan kepada~~



No. Siri	137
No. Penerimaan	137/80